

# Datuk Musa memerlukan Umno

Oleh A NAZRI ABDULLAH

**K**ITA ucapkan selamat rujuk semula kepada Datuk Musa Hitam dan rakan-rakannya yang pulang ke pangkuan Umno. Walaupun agak terlewat untuk menyedari yang Umno sekarang adalah Umno yang sama, pengembalian semula Datuk Musa adalah penting untuk masa depan politiknya. Apa pun analisis dan kritik yang dibuat terhadap kenyataan beliau Rabu lalu, kita terpaksa menghormati keputusan Datuk Musa kerana beliau membuat keputusan yang bijak.

Pengembalian semula Datuk Musa setelah "perkara-perkara yang diperjuangkannya tidak seratus peratus berjaya", sekaligus mengiktiraf martabat Umno sebagai satu-satunya parti tempat pemimpin, ahli dan bangsa Melayu berjuang. Oleh kerana Umno lebih penting daripada tokoh yang memimpinnya, maka kemasukan Datuk Musa atau mana-mana pemimpin serpihan lain ke dalam Umno bukanlah perkara yang begitu penting kepada Umno sendiri, orang Melayu dan negara.

Dalam erti kata yang lain, Datuk Musa yang memerlukan Umno dan bukanlah Umno yang memerlukan Datuk Musa. Begitu jugalah dengan pemimpin yang lain seperti Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Shahrir Samad dan sebagainya. Sama ada mereka akan rujuk semula ke pangkuan Umno atau tidak, tidaklah penting kerana yang penting bagi orang Melayu, rakyat Malaysia dan negara ialah sebuah parti Umno yang kuat dan bersatu padu seperti yang wujud sekarang.

Oleh kerana kemasukan Datuk Musa ke dalam Umno penting untuk dirinya sendiri maka sebarang analisis yang dibuat, tentulah mengenai masa depan politik Datuk Musa, bukan Umno. Atas andaian inilah maka keputusan bijak Datuk Musa itu tidaklah mengejutkan. Barangkali ahli biasa Umno pun sudah meramalkan yang Datuk Musa akan menyertai semula Umno, kerana beliau memerlukan Umno. Lagipun keluar masuk dan sorong tolak adalah cara Datuk Musa berpolitik. Selepas upacara "face saving reentry" pada 18 Disember 1988 di Johor Bahru, dan selepas melihat Umno semakin kukuh dan kuat, Datuk Musa tidak mempunyai pilihan lain melainkan kembali ke pangkuan Umno.

Bagaimanapun, pengembalian semula Datuk Musa ke dalam Umno mungkin kurang dipertikaikan, jika beliau mengemukakan keputusannya itu secara selamba, seperti yang pernah beliau lakukan sebelum ini. Dengan mengadakan sidang akhbar secara besar-besaran dan membaca kenyataan yang panjang dan mengelirukan, tentulah Datuk Musa tidak dapat mengelakkan langkahnya daripada dipertikaikan. Barangkali inilah juga yang dikehendaki oleh beliau.

Ketika meletak jawatan parti dan kerajaan, Datuk Musa melakukannya secara senyap-senyap. Sebaik saja menyerahkan suratnya yang bertarikh 26 Februari 1986 kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau terus berlepas ke London. Gaya ini diulangnya tahun lalu. Selepas sahaja membuat kenyataan tidak menerima Umno baru, beliau terus ke luar negara. Alangkah baiknya jika Datuk Musa memilih cara yang sama untuk merujuk semula ke Umno. Serahkan saja surat memohon menyertai semula Umno, kemudian keluar negara.

Dengan memanggil sidang akhbar dan membaca kenyataan yang panjang, Datuk Musa membiarkan dirinya terdedah kepada kesilapan dan spekulasi. Walaupun kenyataannya menyenaraikan beberapa petikan daripada ucapannya yang lalu, yang barangkali bertujuan membuktikan ketegasan perjuangannya, dua perkara dalam kenyataan bertulisnya tetap mengelirukan.

Kenyataan beliau yang berbunyi "Terang-terang saya mengaku di sini bahawa saya tidak berjaya seratus peratus dalam perkara-perka-



**Komentari**  
**HUJUNG MINGGU**

Umno lebih penting daripada tokoh yang memimpinnya, maka kemasukan Datuk Musa atau mana-mana pemimpin serpihan lain ke dalam Umno bukanlah perkara yang begitu penting kepada Umno sendiri, orang Melayu dan negara

ra yang saya perjuangkan", agak mengelirukan, kerana beliau tidak menerangkan apakah yang diperjuangkan sebenarnya? Tentulah ada pihak yang akan mentafsirkan petikan itu sebagai pengakuan kegagalan perjuangan Datuk Musa menjatuhkan kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

Petikan kedua yang berbunyi, "Sejaah pengetahuan saya, saya sendiri tidak pernah berkeras menuntut diberi layanan kepada kehendak saya sahaja seratus peratus," tidak sepatutnya dimasukkan dalam kenyataan itu kerana ia boleh menjadi senjata yang menikam diri. Barangkali Datuk Musa ter lupa kandungan suratnya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertarikh 5 Julai 1984. Bukankah surat itu dengan keras mahukan Perdana Menteri memecat Tengku Razaleigh daripada Kabinet? Bukankah disebabkan "merajuk" kerana Dr Mahathir tetap melantik Tengku Razaleigh, maka Datuk Musa meletakkan jawatan? Apakah ini semua berkeras namanya?

Apakah yang sedang dicari-cari oleh penganalisis politik sekarang ialah hasrat tersirat atau "the inner thoughts of Datuk Musa". Apakah matlamat beliau seterusnya? Apakah strateginya yang digunakannya dan sebagainya?

Sebenarnya tidak perlu dipertikaikan keikhlasan Datuk Musa kerana sebagai orang politik, tentulah beliau ikhlas mahu menjadi pemimpin politik. Kita tidak perlu hairan dan menyalahkan Datuk Musa jika beliau mahu meneruskan cita-citanya menduduki tempat nombor satu. Kita perlu hairan sekiranya tempat pas memasuki semula Umno, Datuk Musa berdamai diri.

Kita juga tidak perlu hairan mengapakah beberapa orang kuatnya seperti Datuk Shahrir dan Datuk Radzi tidak ikut serta bersamanya. Bagi faedah strategi politik Datuk Musa, lebih baik mereka terus membuat bisbing di luar Umno, sehingga masa yang sesuai bagi Datuk Musa menjemput mereka masuk. Jadi tidak perlu dihairankan jika kemasukan orang kuat Datuk Musa nanti juga dibuat secara besar-besaran.

Walaupun apa pun strategi politik yang akan digunakan, kita harap Datuk Musa tidak menggunakan formula lama. Rasanya ahli Umno sanggup menerima apa saja taktik dan strategi politik, asalkan ia tidak berakhir dengan kehancuran Umno.